

TALKING POINT
BRIG. JEN. DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN
NAIB CANSELOR
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS
SEMPENA SENAMROBIK DAN PERJUMPAAN MINGGUAN
PADA 24 APRIL 2013
DI MULTIPURPOSE COURT KUBANG GAJAH

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Satu Malaysia

SALUTASI

Yang Berbahagia Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UniMAP

Yang Berbahagia Prof. Madya Dr. Mohd Fo'ad Sakdan, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) UniMAP,

Yang Berusaha Encik Zuber Bin Haji Mohamad, Timbalan Pendaftar UniMAP,

Yang Berusaha Puan Saodah Hassan, Bendahari UniMAP,

Yang Berusaha Puan Mazmin Mat Akhir, Pemangku Pustakawan UniMAP,

Yang Berusaha Penolong-Penolong Naib Canselor UniMAP,
Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan,

Seterusnya staf Universiti Malaysia Perlis yang saya kasihi sekalian.

Selamat Pagi, Good Morning, Kalai Vannakam, Zao Shang Hao, Magandang umaga (Tagalog), ahroonsawad (Bahasa Thai).

KATA-KATA ALUAN

Hadirin sekalian,

1. Bersyukur ke hadrat Allah swt kerana dengan keizinanNya, dapat kita bersama-sama pada pagi yang berbahagia ini. Terima kasih saya titipkan buat staf UniMAP yang masih lagi memberikan sokongan kepada aktiviti senamrobik kita yang bukan sahaja akan menyihatkan badan malah sebagai medan untuk kita berkongsi maklumat dan pengetahuan akan isu-isu terkini yang berlaku di UniMAP. Buat pertama kalinya, teks senamrobik saya tidak mempunyai bahagian Bahasa Inggeris. Sememangnya terasa sedikit kelainan tetapi seperti yang saya katakan pada senamrobik yang lepas, kita perlu memartabatkan Bahasa Melayu dan salah satu caranya adalah dengan menggunakan bahasa Melayu itu sepenuhnya.
2. Saya menyimpan hasrat untuk menggunakan Bahasa Melayu sepenuhnya walaupun dalam majlis antarabangsa suatu hari nanti. Cuma di kala ini perkara tersebut masih belum boleh dilaksanakan. Tetapi saya percaya, keinginan kita untuk memartabatkan Bahasa Melayu sehingga keperingkat antarabangsa akan menjadi kenyataan. InsyaAllah.

Hadirin sekalian

MAKLUMAN PROGRAM TELAH BERLANGSUNG

MALAYSIA INTERNATIONAL ROBOT COMPETITION (MIRoC)

3. Di sini saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pasukan MIRoC 2013 UniMAP yang telah berjaya mengekalkan kejuaraan tahun

lalu apabila muncul juara keseluruhan pada Malaysia International Robot Competition (MIROc) 2013, di Kampus Induk UniMAP baru-baru ini. Tidak lupa juga kepada semua jawatankuasa yang selama ini turut bertungkus lumus dalam memastikan kelancaran program ini berlangsung. Berikan tepukan gemuruh kepada pemenang dan juga jawatankuasa MIROc 2013. Semoga penganjuran tahun hadapan akan lebih baik lagi, Insya Allah.

THE 4th INTERNATIONAL ENGINEERING INVENTION & INNOVATION EXHIBITION (I-ENVEX 2013)

4. Satu lagi program yang telah berlangsung adalah The 4th International Engineering Invention & Innovation Exhibition (i-ENVEX 2013) dan saya difahamkan pada penganjuran kali ini kita telah mendapat penyertaan dari 14 buah negara iaitu Canada, Mesir, Romania, United Arab Emirates (UAE), Iraq, Iran, Croatia, Cambodia, India, Bangladesh, Korea, Taiwan, Indonesia, Filipina termasuklah Malaysia. Canselor UniMAP, DYTM Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail telah bercemar duli berangkat hadir ke majlis ini. Alhamdulillah, penganjuran kedua-dua program ini berjalan dengan lancar, sekali lagi tahniah dan syabas kepada pemenang dan jawatankuasa penganjur yang telah memastikan program ini berjalan lancar.

Hadirin sekalian

MAJLIS PERASMIAN MAKMAL PENYELIDIKAN BAHAN ELEKTRONIK NIHON SUPERIOR.

5. Di sini saya ingin berkongsi satu berita baik iaitu mengenai penubuhan Makmal Penyelidikan Bahan Elektronik Nihon Superior di Pusat Kecemerlangan Geopolimer & Teknologi Hijau (CEGeoGTech) baru-baru ini.

6. Majlis perasmian Makmal Penyelidikan Bahan Elektronik Nihon Superior telah disempurnakan sendiri oleh Presiden Nihon Superior Ltd, Osaka, Jepun, Tetsuro Nishimura.
7. Makmal Penyelidikan Bahan Elektronik Nihon Superior adalah hasil kerjasama dengan UniMAP bertujuan bagi melatih jurutera-jurutera yang ditajanya dengan menggunakan kepakaran dari pensyarah-pensyarah UniMAP.
8. Kewujudan makmal itu merupakan satu permulaan yang cemerlang dalam penyelidikan bahan elektronik di UniMAP di mana satu jalinan penyelidikan yang kukuh telah berjaya dibuat dengan industri terkemuka luar negara.
9. Saya percaya menerusi jalinan ini,, kita akan dapat membangunkan penyelidikan khususnya dalam bidang pembungkusan elektronik yang lebih jauh lagi serta mampu menghasilkan penyelidik-penyelidik yang bertaraf antarabangsa. Tahniah saya ucapkan kepada Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan UniMAP dan dekannya Dr. Khairrel Rafezi Ahmad, di atas penubuhan makmal ini.
10. Selain pada itu juga, daripada hasil perbincangan yang dilakukan bersama pihak Nihon Superior, mereka telah bersetuju untuk menaja pelajar-pelajar dari UniMAP bagi melanjutkan pelajaran dalam bidang yang berkaitan.

Hadirin sekalian

**MAJLIS PENYAMPAIAN ANUGERAH KECEMERLANGAN PENYELIDIKAN
(PINGAT PERAK DAN GANGSA) 2012**

11. Semalam telah berlangsung Majlis Penyampaian Anugerah Kecemerlangan Penyelidikan (Pingat Perak dan Gangsa) 2012. Anugerah ini diadakan khusus bagi memberi penghargaan kepada para penyelidik yang banyak memberikan sumbangan melalui kejayaan yang diraih dalam pameran penyelidikan di peringkat kebangsaan dan juga antarabangsa sehingga menjadikan nama UniMAP meniti di bibir seantero dunia.
12. Penganjuran majlis ini secara berasingan dari ASG bukanlah niat kita untuk tidak mahu mengadakan penganugerahan ini pada malam ASG yang lalu. Tetapi kekangan masa yang tidak mengizinkan kita untuk melahirkan penghargaan kita kepada para penyelidik yang begitu banyak memberikan sumbangan dalam mengharumkan nama UniMAP.
13. Setinggi-tinggi tahniah saya ucapkan kepada semua penyelidik yang mendapat anugerah semalam dan saya berharap ia akan menjadi membakar semangat para penyelidik kita supaya dapat menghasilkan penyelidikan yang memberi manfaat kepada masyarakat, bangsa dan Negara.
14. Harapan saya agar semua penyelidik dapat memperbaiki pencapaian produk penyelidikan agar meraih pingat yang tertinggi iaitu pingat emas. Bukanlah suatu kekurangan seandainya mendapat pingat perak atau gangsa tetapi dalam kehidupan kita ini, seharusnya kita menanamkan sikap ingin terus maju dan memandang ke hadapan. Semoga dengan sasaran perubahan itu akan membantu membawa penyelidik untuk mencipta produk penyelidikan yang tidak dapat disangkal oleh mana-mana juri sehingga akhirnya dianugerahkan penyelidik UniMAP dengan pingat emas. InsyaAllah.

MAKLUMAN PROGRAM AKAN BERLANGSUNG

15. Petang ini akan berlangsungnya Program Syarahan Akademik bertajuk “***Do you have what it takes to be a Successful Entrepreneur***”. Syarahan ini akan disampaikan oleh dua orang tokoh ternama, iaitu Profesor Adjung UniMAP yang juga Pengerusi Eksekutif Proven Group of Companies Yang Berbahagia Dato’ Yusof bin Jusoh dan konsultan dari Maybank Syariah Indonesia, En. Baharudin Abd. Majid, bertempat di Auditorium Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra, Kampus Pauh Putra .
16. Di sini saya ingin mengambil kesempatan untuk menjemput semua staf akademik untuk turut serta bagi mendengar pengalaman dua tokoh terkemuka ini tentang bidang perniagaan, semoga apa yang akan disampaikan mereka nanti dapat memberi manfaat kepada kita bersama.

PENUTUP

17. Sebelum saya mengakhiri ucapan pada pagi ini, ingin saya menarik perhatian para penyelidik tentang kejayaan yang telah UniMAP dan saya lakarkan baru-baru ini. Di sini ingin saya kongsi apa yang bakal para penyelidik perolehi sekiranya terus-menerus menghasilkan produk penyelidikan yang membantu meningkatkan bidang sains dan teknologi Negara kita. Dan kemanisan sebagai penyelidik selama ini sedang saya rasai sekarang ini.
18. Baru-baru ini, UniMAP dan saya telah dianugerahkan “Syarikat Terbaik” dan “Pengurus Terbaik” oleh European Business Assembly (EBA). Anugerah bagi Syarikat Terbaik yang diperolehi oleh UniMAP adalah dengan mengambil kira kriteria pembangunan universiti dari segi professional dan juga aspek pengkomersialan.

19. Manakala bagi kategori yang saya perolehi pula adalah berdasarkan pencapaian saya yang menjadi model positif kepada masyarakat dan sumbangan di dalam inovasi, sains dan keusahawanan. Malah jika disoroti, saya juga pernah dianugerahkan Champion of MINDS pada International Invention, Innovation Industrial Design and Technology Exhibition (ITEX) 2011 oleh Malaysian Invention And Design Society (MINDS). Anugerah tersebut adalah sebagai satu pengiktirafan kepada sumbangan dan usaha-usaha saya untuk menaikkan inovasi dan penyelidikan penyelidik muda ke peringkat lebih tinggi.
20. Oleh itu, cabaran untuk mencipta produk penyelidikan yang para penyelidik hadapi sekarang ini, insyaAllah akan terbalas dengan kemanisan dan kepuasan bekerja suatu hari nanti. Saya ingin menyeru kepada semua penyelidik untuk terus tingkatkan usaha, tanamkan azam dan lakukan yang terbaik agar produk penyelidikan hasilan para penyelidik mempunyai impak yang tinggi dan selayaknya mendapat pengiktirafan daripada pihak luar.
21. Rasanya cukuplah setakat ini amanat dan nasihat untuk anda semua pada pagi ini, semog apa yang disampaikan tadi akan menjadi panduan untuk kita sama-sama memperbaiki diri masing-masing. Sebelum mengakhiri ucapan izinkan saya membacakan serangkap pantun:-

***Di Malam Hari Memasang Pelita
Pelita Menjadi Penerang Di Taman
Terbukti Sudah Kemampuan Kita
Anugerah Terbaik Dalam Genggaman***

Sekian. Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.